

BAHAGIAN B

Dari SOALAN 24 hingga SOALAN 41, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di Kertas Soalan ini.

GOLONGAN KATA (16 markah)

Arahan : Isi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini dengan sepatah perkataan yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

apabila	bahan-bahan	banyak
bercadang	hangat	lakukan
menganjurkan	namun	peralatan
rimas	sementara	sungai

Cuti sekolah pertengahan tahun akan bermula tidak lama lagi. Nuqman dan beberapa orang rakannya **(24)** _____ untuk mengadakan perkhemahan di tepi sebuah hutan yang tidak jauh dari sebatang **(25)** _____.

Hari yang dinanti-nantikan tiba. Nuqman dan rakan-rakannya bertolak ke tempat yang mereka tuju dengan membawa **(26)** _____ perkhemahan dan bekalan makanan serta minuman yang **(27)** _____.

Perjalanan ke tempat yang mereka tuju mengambil masa selama beberapa jam. Cuaca yang panas membuat mereka **(28)** _____. Keadaan menjadi bertambah buruk **(29)** _____ bas yang mereka naiki itu sesak dengan penumpang. Dalam perjalanan itu, sempat juga mereka merancang kegiatan yang ingin mereka **(30)** _____. Ada yang ingin memancing, berenang atau menjelajah hutan. **(31)** _____, ada juga yang mahu menghabiskan masa dengan berehat-rehat sahaja. Mereka sangat ghairah dapat berkhemah bersama-sama.

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

(lihat halaman sebelah) ↗

FRASA (8 markah)

Arahan : Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- | |
|---|
| (1) sama dengan ibu bapa yang lain
(2) perlunya peperiksaan yang diadakan
(3) bersyukur dan bangga terhadap kejayaannya
(4) menggunakan pelbagai jenis cara yang menarik
(5) telah pun melanjutkan pelajaran hingga ke menara gading
(6) pentingnya pendidikan supaya masa hadapan mereka lebih terjamin |
|---|

Sulastri : Selamat pagi, Mak cik. Saya Sulastri, wartawan Majalah Sekolah Menengah Syabas. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk ditemu ramah tentang kejayaan anak Mak cik, Ayu, sebagai pelajar cemerlang bagi tahun ini. Sebagai ibu, apa perasaan Mak cik?

Mak cik Ros : Selamat pagi. Mak cik **(32)** _____. Dia berjaya mengikut jejak langkah kakak-kakak dan abang-abangnya.

Sulastri : Berapa orang anak Mak cik yang berkelulusan universiti?

Mak cik Ros : Anak Mak cik semuanya tujuh orang. Lima daripadanya **(33)** _____

Sulastri : Wah, hebat betul! Bagaimana Mak cik mendidik mereka hingga mencapai kecemerlangan?

Mak cik Ros : Sebenarnya, Mak cik tidak ada rahsia apa-apa atau teknik tertentu. Cara Mak cik mendidik anak-anak Mak cik **(34)** _____. Mak cik banyak memberi perangsang dan sokongan terhadap apa sahaja yang mereka ceburi. Mak cik kerap mengingatkan mereka tentang **(35)** _____ .

Sulastri : Terima kasih, Mak cik. Saya ucapkan tahniah atas kejayaan anak-anak Mak cik dan kejayaan Mak cik mendidik mereka.

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--

(lihat halaman sebelah) ↗

KEFAHAMAN 2 (20 markah)

Arahan : Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

“ Banyak benda yang berlaku, Angah. **Mak bukan macam dulu lagi**. Sekarang giliran Angah pula menjaga emak,” kata-kata Along terngiang-ngiang di telinga Angah.

Susahkah menjaga emak? Selama ini, Along tidak pernah mengungkit tentang hal itu. Perasaan kecewa terhadap Along menjengah hati Angah. Emak sendiri tidak pernah **merungut** menjaga mereka berlima setelah pemergian ayah. Emak bertungkus-lumus membesarkan anak-anaknya seorang diri.

Sememangnya, Angah mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajaran di luar negara kerana berkeinginan untuk mengubah nasib mereka sekeluarga dan pastikan emak dapat rasakan kehidupan yang lebih senang. Akan tetapi, keputusan itu seperti dipersalahkan Along.

Sebagai anak sulung, Along mengambil alih sebahagian **beban** yang emak pikul. Setiap pagi, emak ke kebun getah sendirian sementara Along menjaga adik-adik yang lain. Pada sebelah petang, Along membantu berniaga pisang goreng, kripap dan beberapa jenis kuih yang dibuat oleh emak di tepi jalan. Angah akur bahawa dia tidak berada di sisi mereka meniti masa-masa sukar itu. Namun, bukankah dia mengejar impiannya untuk mendapatkan pendidikan yang tinggi supaya dapat dijadikan bekal untuk masa hadapan keluarga mereka juga?

Kini, Along menghantar emak ke rumahnya kerana mahu Angah menjalankan tanggungjawabnya menjaga emak. Angah bukannya mahu mengelak daripada tanggungjawabnya. Malah, dia tidak keberatan menjaga emak tetapi dia kerisauan meninggalkan emak keseorangan di rumah apabila dia pulang lewat dari pejabat.

Angah merancang untuk membawa emak ke hospital untuk melakukan pemeriksaan menyeluruh. Mungkin dengan itu, dia akan ketahui jika emak benar-benar sihat ataupun tidak. Angah melihat ke lantai. Kopi yang **bertaburan** di dapur itu masih menjadi tanda tanya kepada dirinya. Apakah yang tidak diberitahu Along?

“ Kata doktor, Mak menghidap Alzheimer. Dia sulit membuat kerja-kerja yang biasa dilakukan lagi. Daya ingatan Mak juga tidak tajam seperti dahulu, ” Along menyampaikan berita itu setelah Angah menceritakan tentang serbuk kopi yang bertaburan di dapur.

(Dipetik dan diubahsuai daripada cerpen 'Kopi Emak' karya Zalila Isa)

(lihat halaman sebelah)

Arahan : Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

36 Apakah yang membuat Angah berasa kecewa terhadap Along? (2 markah)

37 Mengapa Angah melanjutkan pelajaran di luar negara? (2 markah)

38 “Mak bukan macam dulu lagi.” Beri dua sebab Along berpendapat sedemikian. (4 markah)

39 Along telah melakukan tanggungjawabnya sebagai anak sulung dengan sebaik mungkin. Berikan bukti-bukti untuk menyokong pernyataan ini. (4 markah)

(lihat halaman sebelah) ↗

40 Nyatakan dua perkara yang menunjukkan Angah seorang yang prihatin akan keadaan emaknya.

(4 markah)

41 (a) Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, berikan maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) merungut (1 markah)

(ii) beban (1 markah)

(iii) bertaburan (1 markah)

(b) Satu perkataan dalam petikan yang bermaksud **meresap masuk dengan pantas** ialah _____ . (1 markah)

SELESAI

Markah yang diperoleh	
-----------------------	--